

01 DEC 1996

CHANDRAN JUARA HI-REV LIMOS MOTORCROSS CHALLENGE

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Juara kebangsaan, M.Chandran dari Pulau Pinang muncul sebagai juara terbuka HI-REV Limos `96 Motorcross Challenge yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di litar perlumbaan di sini hari ini.

Chandran, penyandang juara lima kali sejak 1988, membuktikan kemampuannya setelah mengetepikan beberapa pencabar untuk merebut gelaran itu dan wang tunai RM1,500.

Tempat kedua dimenangi oleh Zakaria Kalewoon dari Johor manakala adiknya, Ismail, di tempat ketiga. Mereka memenangi hadiah wang masing-masing sebanyak RM1,000 dan RM750.

Perlumbaan lasak itu turut disertai peserta muda, Ghizan Khalid, 15, dari Negeri Sembilan dan Suhaidi Rahmat, 11, dari Selangor.

Seramai 80 peserta menyertai perlumbaan itu sebagai usaha memperkenalkan sukan itu di negara ini.

Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada para pemenang. -- BERNAMA
ZI AKD